



**PEKELILING
KETUA PENGARAH TANAH DAN GALIAN PERSEKUTUAN BILANGAN
23/1974**

Pemberian Milik Tanah Kerajaan Negeri Untuk Maksud Persekutuan

Pekeliling ini dikeluarkan untuk menasihat Pemungut-pemungut berkenaan pemberian milik tanah bagi maksud Persekutuan.

2. Perkara 83(1) Perlembagaan membekalkan bahawa sekiranya Kerajaan Persekutuan puas hati bahawa sekeping tanah di dalam mana-mana negeri, yang bukannya tanah milik, dikehendaki untuk maksud Persekutuan, ianya boleh (selepas perundingan) meminta Kerajaan Negeri berkenaan mengeluarkan suratan hakmilik bagi tanah tersebut di atas nama Kerajaan Persekutuan (Pesuruhjaya Tanah Persekutuan) ataupun di dalam nama Pihak Berkuasa Awam. Di dalam keadaan tersebut adalah menjadi kewajipan Kerajaan Negeri untuk mengeluarkan milik kepada tanah tersebut seperti yang dikehendaki. Sungguhpun demikian, kesulitan mungkin timbul jika sekiranya tanah Kerajaan yang dikehendaki oleh Kerajaan Persekutuan itu telahpun diduduki orang dengan secara berlesen ataupun secara haram.

3. "Tanah Kerajaan" (State land) seperti yang dijelaskan oleh Kanun Tanah Negara bermakna tanah selain daripada yang telah diberimilik, tanah rizab, tanah lombong dan rizab hutan, dan "memberi milik" (to alienate) bermakna memberikan tanah Kerajaan milik bagi selama-lamanya ataupun bagi tempoh beberapa tahun dengan dibayar cukai tahunan. Sebelum membuat keputusan untuk memberi milik, (iaitu untuk meluluskan permohonan memiliki tanah), adalah wajib bagi Pihak Berkuasa Negeri menentukan sam ada tanah itu tanah Kerajaan dan sama ada kawasan tersebut boleh diberi milik oleh kerana :

- (a) ianya sesuai bagi maksud yang dicadangkan;
- (b) ianya boleh digunakan dengan serta-merta oleh pemohon yang diluluskan.

Sekiranya tanah yang dicadangkan diberi milik itu tidak dapat diberimilik kerana ianya sedang diduduki ataupun digunakan untuk sesuatu maksud, Pihak Berkuasa Negeri adalah bertanggungjawab untuk mengambil tindakan di bawah perbekalan-perbekalan Kanun Tanah Negara yang sewajarnya dengan membatalkan mana-mana lesen kebenaran menduduki ataupun menyingkirkan mana-mana penduduk secara haram.

4. Di bawah perkara 83(2) Perlembagaan, Pihak Berkuasa Negeri boleh meminta Kerajaan Persekutuan membayar harga lemak tanah yang sejumlah dengan nilai pasaran tanah tersebut sekiranya surat milik yang hendak dikeluarkan itu ialah geran selama-lamanya dan tidak mengandungi sekatan kegunaan. Untuk menentukan nilai pasaran, tanah tersebut sepatutnya tidak ada bebanan seperti hak-hak pengguna (rights of occupier).

5. Pada masa sekarang tidak ada dasar terpakai yang tetap mengenai cara menyingkir pengguna-pengguna tanah Kerajaan sama ada yang berlesen ataupun tidak. Perenggan 5(b) Lesen Menduduki Sementara Borang 4A perenggan 8(b) Lesen Menduduki Sementara 4C menyatakan bahawa sesuatu lesen atau permit boleh dibatalkan secara dibayar pampasan (yang telah dipersetujui atau ditentukan mengikut perbekalan-perbekalan seksyen 434 Kanun Tanah Negara) pada bila-bila masa sebelum tarikh tempohnya luput. Yang demikian pengguna-pengguna yang berlesen sahaja yang patut diberi pampasan sebelum berpindah. Walau bagaimanapun cara yang diikuti di dalam setengah-setengah negeri ialah dengan memberi pertolongan kepada pengguna tanah Kerajaan yang menggunakannya untuk perumahan. Pertolongan ini ialah meringankan kesusahan mereka dan berupa wang saguhati dan tawaran sebuah rumah murah ataupun kawasan perumahan yang lain.

6. Yang demikian Pemungut-pemungut adalah dinasihatkan bahawa sebelum mana-mana tanah diluluskan untuk diberi milik kepada Kerajaan Persekutuan atau Pihak Berkuasa Awam ('Public Authority') semua pengguna tanah itu sama ada berlesen atau tidak mahulah dipindahkan supaya tanah tersebut dapat digunakan serta-merta bagi maksud Persekutuan.

DATO' ABDUL MANAF BIN MOHD NOR,
*Ketua Pengarah Tanah dan Galian
Persekutuan*

P.T.TM 252/6-12
Kuala Lumpur,
September, 1974